

Headline	YSD bantu penghidap HIV/AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,138
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,414



YSD bantu penghidap HIV/AIDS

Kuala Lumpur: Yayasan Sime Darby (YSD) menyalurkan RM870,000 kepada Majlis AIDS Malaysia (MAM) bagi menyokong aktiviti organisasi itu membantu mereka yang menghidap HIV/AIDS.

Dana itu untuk membiayai kos dan keperluan tenaga kerja MAM dalam usaha membela kumpulan sasaran melalui program yang dirangka bagi tempoh tiga tahun.

Presiden Majlis AIDS

Malaysia, Datuk Dr Raj Karim, berkata buat pertama kali, badan korporat menyalurkan geran kepada yayasan itu yang amat diperlukan berikutan sumber kewangan organisasi berkenaan yang terhad.

“Melalui sumbangan ini, YSD menempatkan diri dalam kalangan gergasi korporat yang bertanggungjawab meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan komuniti yang terjejas oleh HIV,” katanya

ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kerjasama YSD dan MAM, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Majlis Tertinggi Sime Darby, Datin Paduka Zaitoon Othman; Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia, Prof Dr Adeeba Kamarulzaman dan Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Harjeet Singh.

Headline	YSD bantu penghidap HIV/AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,138
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,414



Raj Karim (dua dari kiri) menerima sumbangan daripada Zaitoon (dua dari kanan) pada Majlis Pelancaran Kerjasama YSD dan MAM, di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO AMIRUL WAHID/BH]